

## LAMPIRAN A2

### SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GREED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>JA29, JA36, JA38</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 JULAI 2013</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	1.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:  (a) warganegara Malaysia;  (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  (c) (i) sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau  (ii) diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	2.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4.	Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5.	Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b>	6.	Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36**

10. Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA36 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA38**

11. Penolong Juruukur Bahan Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA38 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN JURUUKUR BAHAN GRED J41**

12. Penolong Juruukur Bahan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).